

28 JAN 2002

Kurup-Jeffrey/I

PM DIBERI TAKLIMAT MENGENAI PENGGANTUNGAN DR JEFFREY, KATA KURUP

KOTA KINABALU, 28 Jan (Bernama) -- Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup hari ini berkata beliau telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memaklukkannya mengenai keadaan parti dan keputusan menggantung timbalan presiden Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Kurup berkata selain Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN), setiausaha agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat juga diberi taklimat mengenai perkara itu.

Katanya beliau memberi taklimat kepada Dr Mahathir dan Mohamed apabila beliau menghadiri mesyuarat BN di Kuala Lumpur pada Rabu lepas untuk membincangkan permohonan Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula BN.

"Saya memberi taklimat kepada setiausaha agung Barisan Nasional Tan Sri Mohamed Rahmat dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa saya menghadiri mesyuarat BN," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kongres PBRS ke-11 di sini, hari ini.

Jumaat lepas, Kurup mengumumkan penggantungan Dr Jeffrey kerana didakwa bertindak membelakangkan kepentingan parti.

Semasa mengumumkan penggantungan itu, Kurup berkata beliau melaksanakan kuasa itu yang diberikan kepadanya sebagai presiden mengikut Perkara 59 (iv) I perlembagaan parti selepas menerima bukti kukuh yang membawa kepada penggantungan itu.

Menurutnya Dr Jeffrey didakwa melanggar disiplin parti dan mencabuli perlembagaan parti di mesyuarat agung tahunan bahagian Tambunan pada 25 dan 26 Ogos tahun lepas.

Anggota Dewan Undangan Negeri Bingkor itu juga dikatakan membenarkan politik wang dalam proses mengendalikan mesyuarat agung tahunan itu dan membenarkan bukan anggota di 60 cawangan untuk menyertai dan mengundi pada mesyuarat itu.

Bagaimanapun, Dr Jeffrey yang membantah penggantungannya berkata beliau bercadang untuk memfailkan satu injunksi untuk menghentikan prosiding kongres parti itu.

Ditanya mengenai cadangan Dr Jeffrey itu, Kurup berkata beliau mempunyai hak untuk menyelesaikan perkara itu di mahkamah.

Semasa diminta mengesahkan penggantung tiga bahagian PBRS, Kurup berkata beliau mempunyai bukti bahawa 60 cawangan dalam bahagian Tambunan mengandungi nama-nama bukan anggota.

Bahagian Pensiangan juga didapati mempunyai ketua cawangan yang bukan anggota parti itu, katanya.

Bagaimanapun, katanya bahagian Kadamaian tidak digantung tetapi bilangan perwakilannya telah dihadkan.

Kira-kira 219 pemimpin parti dari 26 bahagian mendaftar untuk menyertai kongres dua hari itu.

-- BERNAMA

HAK RM NAK